

Terus jalin hubungan erat, UiTM rai media

Oleh **Norzamira Che Noh** - Oktober 1, 2023 @ 1:11pm
bhnews@bh.com.my



Roziah (tengah) dan wakil media di Selangor pada majlis Ramah Mesra & Hi-Tea UiTM bersama Media, di sini semalam. - Foto Ihsan UiTM

SHAH ALAM: Universiti sentiasa komited menyediakan maklumat yang tepat serta berkualiti untuk memastikan masyarakat memahami pencapaiannya dalam pendidikan dan penyelidikan.

Universiti Teknologi MARA (UiTM), umpamanya sedia berkolaborasi dengan media dalam usaha untuk menyebarkan mesej yang membantu memajukan pendidikan di negara ini.

Naib Canselor UiTM, Profesor Datuk Dr Roziah Mohd Janor, berkata pihaknya sentiasa terbuka kepada cadangan dan pandangan dikemukakan media kerana

memahami kritikan membina dan pandangan yang bernas salah satu aspek penting dalam pembangunan sebagai institusi pendidikan terkemuka.

"Perjalanan UiTM untuk mencapai status 'Global Renowned University' menjelang 2025 bukan satu usaha yang boleh dicapai seorang diri, tetapi satu perjalanan kolektif yang memerlukan sokongan dan kerjasama semua pihak termasuk media.

"Media dianggap sebagai rakan sejawat yang membantu UiTM untuk sentiasa mengukur prestasi dan melihat peluang untuk penambahbaikan, " katanya ketika berucap pada majlis Ramah Mesra & Hi-Tea UiTM bersama media, semalam.



Peranan media penting dalam menyebarkan maklumat dan ilmu dalam membantu memajukan pendidikan negara. - Foto Ihsan UiTM

Seramai 25 pengamal media di Selangor menghadiri majlis itu.

Katanya, majlis seumpama itu dianggap sebagai platform yang penting dalam usaha UiTM untuk menjalin hubungan lebih erat dengan rakan media yang sentiasa berusaha memberikan liputan berkualiti mengenai perkembangan terkini universiti berkenaan.

"Dengan itu, kami berharap kerjasama yang lebih erat antara UiTM dan media akan terus membawa perkembangan positif, seterusnya menjadikan UiTM sebagai contoh institusi pendidikan yang dikenali pada peringkat global.

"Saya berharap majlis ini akan memberi peluang yang baik buat semua yang hadir untuk saling berkongsi pandangan selain turut berharap kerjasama ini berterusan dan

memberikan manfaat yang baik bukan sahaja kepada kedua-dua pihak, malah kepada masyarakat dan negara.

"Ribuan terima kasih kepada pihak media atas peranan yang sangat penting dalam memahami, mendokumentasikan, dan menyebarkan maklumat tentang UiTM.

"Saya yakin, setiap liputan dan ulasan yang disampaikan oleh media adalah sebahagian daripada usaha bersama dalam membina kepercayaan masyarakat terhadap UiTM," katanya.